

Peraturan Permarkahan

Percubaan SPM 2019

Bahagian A

Soalan	Jawapan	Markah								
1. a)	Syarikat Lela mengalami masalah kekurangan sumber ekonomi / faktor pengeluaran iaitu buruh, tanah, modal dan usahawan Syarikat Lela terpaksa membuat pilihan sama ada mengeluarkan kasut sukan atau beg sukan untuk memaksimumkan keuntungan	1 1 1 1 Mak : 3								
b)	Negara X – Sistem ekonomi pasaran bebas Negara Y – Sistem ekonomi perancangan pusat Ciri lain bagi Negara X (SEPB) Individu dan pihak swasta bebas memiliki faktor pengeluaran (buruh, tanah, modal, usahawan) Individu dan firma bebas dalam membuat pilihan barang dan perkhidmatan yang ingin dibeli untuk memaksimumkan kepuasan. Contoh Negara Amerika Syarikat, Hong Kong Ciri lain bagi Negara Y (SEPP) Semua faktor pengeluaran (B,T,M,U) dimiliki secara mutlak oleh kerajaan Segala keputusan ekonomi berkaitan masalah asas diselesaikan oleh kerajaan Contoh Negara Korea Utara, Cuba	1 1 (2 m) 1 1 1 1 1 1 1 1 (2 m) Mak : 4								
c)	<table border="1"><thead><tr><th>Harga</th><th>Kuantiti(unit)</th></tr></thead><tbody><tr><td>10</td><td>100</td></tr><tr><td>20</td><td>200</td></tr><tr><td>30</td><td>300</td></tr></tbody></table> Hukum penawaran menyatakan sekiranya harga meningkat, kuantiti yang ditawarkan akan meningkat, sebaliknya harga barang turun, kuantiti barang yang ditawarkan akan turut menurun. Contohnya apabila harga naik dari RM 10 ke RM 20, kuantiti ditawarkan akan meningkat dari 100 unit ke 200 unit. Sebaliknya, apabila harga turun dari RM 30 ke RM 20, kuantiti ditawarkan akan menurun dari 300 unit ke 200 unit. Hubungan antara harga dengan kuantiti yang ditawarkan adalah secara langsung/positif	Harga	Kuantiti(unit)	10	100	20	200	30	300	2 1 1 1 1 1 Mak :5
Harga	Kuantiti(unit)									
10	100									
20	200									
30	300									

d) i-	$Ed = \frac{Q}{P}$ $Ed \text{ barang X} = \frac{20}{10} = 2$ $Ed \text{ barang Y} = \frac{5}{10} = 0.5$	1 1 Mak : 2
ii-	Barang X Keanjalan bagi barang X adalah anjal Kerana keanjalan harga permintaan adalah lebih dari 1 ($Ed > 1$) iaitu 2 Peratus perubahan kuantiti lebih besar dari peratus perubahan harga ($\% \Delta Q > \% \Delta P$) Strategi pengeluar ialah menurunkan harga barang Keluk lebih landai Barang Y Keanjalan barang Y adalah tidak anjal Kerana keanjalan harga permintaan adalah lebih dari 1 ($Ed < 1$) iaitu 0.5 Peratus perubahan kuantiti lebih besar dari peratus perubahan harga ($\% \Delta Q < \% \Delta P$) Strategi pengeluar ialah menaikkan harga barang Keluk lebih curam	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 Mak : 4

Skema Jawapan

BAHAGIAN A: No. 2

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH						
2 (a)	(i) Alat Ukuran Nilai	1						
	Wang dapat mengukur nilai sesuatu barang dalam bentuk harga.	1						
	Harga penapis air berharga RM4600	1						
	(ii) Alat bayaran tertunda	1						
	Membolehkan pembayaran sesuatu barang dibuat secara ansuran.	1						
	Bayaran ansuran bulanan RM140 selama lima tahun.	1						
		(maks 4m)						
2 (b)	Perbezaan pendapatan Cik Afiyah :							
	<table><tr><th>KERANI KEWANGAN</th><th>BERNIAGA NASI LEMAK</th></tr><tr><td>(i) Menerima ganjaran upah</td><td>(i) Menerima ganjaran untung</td></tr><tr><td>(ii) Cik Afiyah menerima upah kerana menyumbangkan tenaga fizikal dan mental dalam proses pengeluaran</td><td>(ii) Cik Afiyah menerima ganjaran untung kerana berani menanggung risiko, mengeluarkan idea perniagaan dan menguruskan perniagaan.</td></tr></table>	KERANI KEWANGAN	BERNIAGA NASI LEMAK	(i) Menerima ganjaran upah	(i) Menerima ganjaran untung	(ii) Cik Afiyah menerima upah kerana menyumbangkan tenaga fizikal dan mental dalam proses pengeluaran	(ii) Cik Afiyah menerima ganjaran untung kerana berani menanggung risiko, mengeluarkan idea perniagaan dan menguruskan perniagaan.	1+1
	KERANI KEWANGAN	BERNIAGA NASI LEMAK						
	(i) Menerima ganjaran upah	(i) Menerima ganjaran untung						
	(ii) Cik Afiyah menerima upah kerana menyumbangkan tenaga fizikal dan mental dalam proses pengeluaran	(ii) Cik Afiyah menerima ganjaran untung kerana berani menanggung risiko, mengeluarkan idea perniagaan dan menguruskan perniagaan.						
		1+1						
		(4m)						
2 (c)	Saya akan memilih kaedah pembayaran secara TUNAI kerana kaedah ini mempunyai banyak kelebihan seperti:							
	Bukti pengiraan:							
	PBG = RM7000							
	Bayaran secara tunai perabot jati = <u>RM5000.</u>	1						
	Harga Ansuran = RM580 x 12 bulan = <u>RM6960.</u>	1						
	Beza harga tunai dan harga ansuran: = RM6960 – RM5000 = <u>RM1960</u>	1						
S = Yd – C								
	Baki / Tabungan = PBG – Perbelanjaan = RM7000 – RM5000 = <u>RM 2000</u>	1 1						

	1. Harga lebih murah kerana tidak melibatkan unsur faedah. Jika saya membeli secara ansuran, harga perabot jati tersebut telah menjadi RM6960 (RM580 x 12 bulan). Didapati terdapat perbezaan nilai yang tinggi terhadap perabot jati tersebut sebanyak RM 1960 apabila membeli secara ansuran sedangkan wang tersebut boleh digunakan untuk keperluan yang lain seperti menabung. 2. Berbelanja secara berhemat, pengguna yang membeli barang secara tunai perlu berdisiplin semasa berbelanja kerana tertakluk kepada had perbelanjaan bersandarkan jumlah wang yang dimiliki. Baki PBG sebanyak RM2000. 3. Pengguna mungkin menikmati diskaun tunai apabila membayar secara tunai mengikut syarat diskaun. 4. Bayaran tunai diterima secara meluas berbanding belian kredit. 5. Barang terus menjadi hak milik pembeli kerana harganya telah dibayar penuh. <u>ATAU</u> Bukti pengiraan: PBG = RM7000 Bayaran secara ansuran hanya RM580 sebulan. $S = Yd - C$ Tabungan = PBG – Perbelanjaan = RM7000 – RM580 = <u>RM 6420</u> Saya akan memilih kaedah pembayaran secara KREDIT kerana kaedah ini mempunyai banyak kelebihan seperti: 1. Bayaran secara ansuran meringankan beban kewangan pembeli berbanding dengan bayaran secara tunai yang perlu dijelaskan sekaligus. Saya masih mempunyai baki RM6420 yang boleh dibelanjakan setelah ditolak dengan bayaran ansuran perabot jati sebanyak RM580 sebulan.	1 1 1 1 (maks 8m) 1 1 1 1 1
--	---	---

	2. Dapat menikmati barang walaupun harga penuh belum dijelaskan. 3. Peningkatan taraf hidup pengguna kerana dapat menggunakan barang yang mahal seperti perabot jati dengan bayaran yang minimum. 4. Menggalakkan pembeli merancang perbelanjaannya kerana terpaksa membayar ansuran bulanan. 5. Pembeli boleh menggunakan barang yang dibeli secara kredit untuk menghasilkan pendapatan atau memulakan perniagaan.	1 1 1 1
	(rujukan: buku teks ting.4 m/s 178 & 179)	(maks. 8m)
2 (d)	Faktor-faktor yang mempengaruhi produktiviti ialah: TENAGA MANUSIA Kemahiran dan tahap motivasi tenaga manusia akan mempengaruhi produktiviti. Tenaga manusia akan bekerja bersungguh-sungguh sekiranya bermotivasi tinggi. Pekerja boleh dimotivasi melalui ganjaran secara kewangan atau bukan kewangan. SISTEM DAN PROSEDUR Kecekapan dan keberkesanan sistem dan prosedur akan mempengaruhi produktiviti. Sistem dan prosedur kerja harus ringkas dan selaras dengan matlamat organisasi. Sistem dan prosedur yang efektif mampu membantu mengesan kelemahan dalam organisasi. STRUKTUR ORGANISASI Struktur organisasi yang sesuai membantu meningkatkan produktiviti. Sebuah organisasi akan dibahagikan kepada beberapa bahagian supaya masing-masing mempunyai tanggungjawab dan skop kerja sendiri. Organisasi harus memilih struktur yang paling sesuai dengan operasinya. GAYA KEPIMPINAN Pemimpin harus memiliki kemahiran membuat keputusan yang tepat dan sudi mengambil risiko dalam menjalankan kerjayanya.	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1

Pemimpin yang berwibawa mampu memimpin dan memotivasikan ahli-ahli organisasinya.	1
PERSEKITARAN KERJA	1
Susun atur dan kemudahan di tempat kerja akan mempengaruhi produktiviti.	1
Susun atur tempat kerja dapat memastikan operasi organisasi berjalan lancar dan persekitaran kerja kondusif dan selesa.	1
Kemudahan yang disediakan di tempat kerja dapat membantu pekerja dalam tugas mereka.	1
BAHAN-BAHAN	1
Kualiti dan bekalan bahan mentah akan mempengaruhi produktiviti.	1
Bahan yang berkualiti dapat mengelakkan pembaziran daripada kerosakan.	1
Pengurusan inventori yang sistematik dapat mengelakkan penyimpanan stok yang berlebihan dan bekalan bahan sentiasa mencukupi untuk proses pengeluaran.	1
TEKNOLOGI	1
Penggunaan teknologi yang canggih semestinya meningkatkan produktiviti.	1
Penggunaan bahan atau mesin moden dan pelaksanaan system automasi komputer dapat menjimatkan masa dan tenaga buruh.	1
Aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) penting untuk membawa inovasi dan pemurnian dalam proses pengeluaran.	1
KELENGKAPAN MODAL	1
Prestasi sesebuah kelengkapan modal akan mempengaruhi produktiviti.	1
Bagi memastikan kelengkapan modal sentiasa berfungsi baik, penyelenggaraan dan pemeriksaan harus dijalankan dari semasa ke semasa.	1
Penggunaan kelengkapan modal harus dirancang supaya semuanya dapat digunakan dengan optimum.	1
Pilih mana-mana 2F + 2H	(maks 4m)

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2019

SKIMA JAWAPAN

KERTAS 2 (Bahagian A)

3 (a) - Cukai langsung ialah cukai yang beban cuainya tidak boleh diagih kepada orang lain manakala cukai tak langsung ialah cukai yang beban cukainya boleh diagihkan kepada orang lain.

- Cukai langsung dikenakan terhadap pendapatan tertentu manakala cukai tak langsung dikenakan terhadap urus niaga barang dan perkhidmatan yang dikeluarkannoleh firma.

- Contoh cukai langsung ialah cukai pendapatan individu dan cukai pendapatan syarikat manakala contoh cukai tak langsung ialah duti eksais dan duti import. **[4 markah]**

(b) (i) - Pertukaran asing mata wang negara lain.

- Dimiliki oleh rakyat sesebuah negara. **[2 markah]**

(ii) - Mata wang Ringgit Malaysia meningkat nilainya berbanding Dolar Amerika.

- Harga barang dan perkhidmatan keluaran Malaysia menjadi lebih murah jika diimport oleh rakyat Amerika.

- Hal ini menyebabkan nilai eksport barang dan perkhidmatan Malaysia ke Amerika menjadi lebih tinggi.

- Harga barang dan perkhidmatan dari Amerika menjadi lebih mahal.

- Ini menyebabkan nilai import barang dan perkhidmatan dari Amerika menurun. **[4 markah]**

(c) Jenis-jenis perbelanjaan kerajaan :

i) Perbelanjaan mengurus merujuk kepada perbelanjaan semasa kerajaan yang berulang-ulang pada setiap tahun untuk membolehkan pengurusan dan pentadbiran harian kerajaan beroperasi dengan lancar dan berkesan.

Contohnya, emolumen, bayaran khidmat hutang, bekalan dan perkhidmatan, pencen dan ganjaran, pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri, subsidi, biasiswa, dermasiswa dan bantuan kerajaan.

ii) Perbelanjaan pembangunan merujuk kepada perbelanjaan pelaburan kerajaan dalam projek- projek pembangunan ekonomi negara.

Contohnya, perbelanjaan sektor perkhidmatan ekonomi, sosial, keselamatan dan pentadbiran am.

[4 markah]

(d) (i) Kos tetap = RM 15, 000 + RM 4, 000 [1 markah]

RM 19, 000 [1 markah]

(ii) Kos berubah = RM 20, 000 + RM 60, 000 + RM 5, 000 [1 markah]

RM 85, 000

(iii) Kos purata = **Kos tetap + kos berubah**

RM 19, 000 + RM 85, 000 [1 markah]

RM 104, 000 / 100 000

RM1.04 [1 markah]

SKEMA JAWAPAN

(a)	Jawapan	Markah
	Indeks harga pengguna (IHP) mengukur perubahan harga purata sekumpulan barang dan perkhidmatan yang terpilih dalam ekonomi bagi suatu tahun berbanding tahun dasar	1 m
	IHP diukur dengan membandingkan harga purata barangan dan perkhidmatan yang diperoleh pada tahun dasar dengan harga purata barang pada tahun semasa.	1 m
	Tahun dasar merupakan suatu tahun yang tingkat harganya dijadikan asas perbandingan dengan tingkat harga bagi tahun berbeza yang mana nilai indeksinya adalah 100.	1 m
	Tahun semasa merujuk kepada tahun yang ingin dikira indeks harga penggunaannya	1 m
	Indeks harga Pengguna (IHP) meningkat secara berterusan dari tahun 2010 sehingga tahun 2017	1 m
	Peningkatan dalam indeks harga pengguna (IHP) dari setahun ke setahun menggambarkan tingkat harga umum naik secara berterusan.	1 m
	Kenaikan tingkat harga umum secara berterusan menunjukkan negara sedang menghadapi masalah inflasi.	1 m
		MAK: 4markah.
(b)	Inflasi merujuk kepada kenaikan tingkat harga umum barang dan perkhidmatan secara berterusan.	1m
	Dasar kewangan merujuk kepada cara kerajaan mempengaruhi kegiatan ekonomi melalui kawalan bekalan wang dan kadar bunga supaya ekonomi sentiasa berada dalam keadaan stabil	1m
	Dasar kewangan ialah suatu dasar yang dilaksanakan oleh bank pusat iaitu Bank Negara Malaysia	1m
	Ketika inflasi, dasar kewangan yang digunakan adalah dasar kewangan menguncup	1m
	Tujuan dasar ini dilaksanakan adalah untuk mengurangkan bekalan wang dalam ekonomi	1m
	Antara tindakan yang dilakukan oleh bank pusat seperti menaikkan rizab berkanun dan rizab tunai, menaikkan kadar faedah,mengetatkan syarat sewa beli dan menjual surat jaminan kerajaan.	1m
	Tindakan bank pusat tersebut dapat mengurangkan penawaran wang dalam ekonomi	1m
	Tindakan tersebut juga menyebabkan aktiviti pelaburan dalam ekonomi akan berkurang	1m

	Seterusnya menyebabkan pengeluaran barang dan perkhidmatan dalam ekonomi akan berkurang	1m
	Pengurangan pengeluaran menunjukkan pertumbuhan ekonomi negara terbantut	1m
	Keadaan tersebut menyebabkan firma terpaksa mengurangkan bilangan pekerja	1m
	Akibat ketiadaan pekerjaan, pendapatan pengguna akan menurun	1m
	Seterusnya menurunkan kuasa beli dan permintaan agregat pengguna	1m
	Tingkat harga umum dalam pasaran akan menurun seterusnya masalah inflasi dapat diatasi	1m mak: $[7 \times 1m = 7 \text{ markah}]$
(c)	Apabila perbelanjaan pengguna melebihi pengeluaran firma menyebabkan harga barang meningkat	1m
	Inflasi berlaku akibat daripada peningkatan harga secara berterusan	1m
	Harga barang dan perkhidmatan menurun	1m
	Peningkatan pendapatan menyebabkan pengguna lebih cenderung untuk berbelanja	1m
	Tindakan kerajaan mengurangkan atau menghapuskan cukai menyebabkan harga barang menurun dalam pasaran	1m
	Harga barang pengganti meningkat/harga barang penggenap menurun	1m
	Faktor pendapatan individu merupakan faktor utama yang mempengaruhi perbelanjaan pengguna	1m
	Peningkatan dalam pendapatan individu akan memberi impak yang positif kepada kuasa beli pengguna. Peningkatan dalam kuasa beli akan meningkatkan permintaan agregat tanpa mempengaruhi penawaran barang dalam pasaran. Apabila permintaan pengguna mengatasi penawaran pengguna akan menyebabkan harga barang dan perkhidmatan akan meningkat dan sebaliknya.	1m
	Faktor pengiklanan dan pemasaran yang merupakan aktiviti yang dilakukan oleh pihak firma melalui	1m

	pelbagai saluran seperti akhbar, radio, televisyen dan media sosial. Pengguna akan terpengaruh dengan iklan dan promosi tanpa memikirkan kemampuan dan keperluan sebenar mereka. Situasi ini akan menggalakkan pengguna untuk berbelanja demi memenuhi kepuasan mereka.	
	Cita rasa dan kehendak pengguna tidak pernah terbatas selaras dengan maksud ekonomi iaitu sains social yang mengkaji bagaimana manusia menggunakan sumber yang terhad dalam memenuhi kehendak yang tidak terhad	1m mak: [9x1m= 9markah]

Skema Jawapan
BAHAGIAN B: No. 5

Soalan	Jawapan	Markah
5 (a)	Perbelanjaan melebihi pendapatan boleh guna menyebabkan tabungan negatif. Dari sisi peniaga, keadaan ini menggalakkan peningkatan permintaan agregat dalam ekonomi. Firma mengalami keuntungan yang bertambah dan menggalakkan insentif untuk membuat pelaburan. Perniagaan menjadi semakin rancak kerana perbelanjaan tersebut dibiayai oleh institusi kewangan seperti bank perdagangan terlebih dahulu. Peluang pekerjaan bertambah dan meningkatkan pendapatan negara.	1
	Dari sisi kerajaan, hasilnya bertambah kesan daripada pengenaan cukai barang dan perkhidmatan (SST) serta duti eksais. SST dan duti eksais dikenakan terhadap pembelian barang oleh pengguna. Keadaan ini membolehkan kerajaan membiayai perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan serta mengurangkan beban hutang negara.	1
	Dari sisi pengguna, gaya hidup berlumba-lumba untuk dilihat hidup dalam kemewahan membawa kepada pembaziran sumber. Individu sepatutnya merancang mengikut kemampuan pendapatan boleh guna. Contohnya, individu boleh membeli kereta kecil atau menggunakan perkhidmatan awam yang relatif lebih murah dan menjimatkan. Apabila pendapatan boleh guna tidak mencukupi untuk membiayai perbelanjaan, maka individu terpaksa berhutang. Pinjaman akan dikenakan kadar faedah dan hal ini akan meningkatkan beban hutang. Contohnya, pinjaman kereta yang bernilai RM150,000 dengan kadar faedah 3% setahun dan tempoh bayaran balik selama tujuh tahun. Maka faedah bagi tujuh tahun adalah seperti berikut: Faedah = $RM150,000 \times 7 \text{ tahun} \times 3\% \text{ setahun} = RM31,500$. Ini menjadikan jumlah pembiayaan kereta ialah RM181,500. Jika membeli kereta murah, maka tanggungan faedah adalah lebih rendah.	1
	Individu yang berbelanja lebih daripada kemampuannya, terpaksa menggunakan tabungan di dalam bank. Lama kelamaan, jumlah tabungan berkurang. Keadaan ini menyebabkan punca pendapatan daripada faedah yang	1

	diperoleh daripada akaun simpanan berkurangan seterusnya menyebabkan taraf hidup merosot.																																																									
	Apabila ekonomi mencapai tingkat guna tenaga penuh atau hamper mencapai guna tenaga penuh, pertambahan permintaan agregat menyebabkan inflasi dalam ekonomi. Keadaan ini menyebabkan kos sara hidup naik dan taraf hidup masyarakat berkurang.	1																																																								
	Permintaan terhadap barang import juga akan bertambah. Keadaan ini menyebabkan aliran wang keluar dan memburukkan lagi imbalan dagangan negara. Kesannya, penawaran mata wang negara bertambah di pasaran pertukaran asing dan nilainya akan susut.	1																																																								
	Individu juga mungkin mengalami muflis jika tidak mampu membayar balik hutang. Hal ini menyebabkan individu tersebut akan disenarai hitam dan menjejaskan kewangan individu tersebut.	1																																																								
	Jumlah markah	7m																																																								
5 (b)	Belanjawan peribadi ialah satu rancangan berbelanja berdasarkan anggaran pendapatan boleh guna individu untuk satu jangka masa tertentu, biasanya sebulan. Pendapatan boleh guna diperoleh apabila semua sumber pendapatan individu ditolak potongan wajib. Potongan wajib ialah bayaran yang diwajibkan oleh kerajaan dan agama Islam ke atas individu.	1																																																								
	Jadual di bawah ini menunjukkan satu format belanjawan peribadi Encik Roslan bagi bulan Mei. <table border="1"> <thead> <tr> <th>Butiran</th><th>RM</th><th>RM</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pendapatan</td><td></td><td></td></tr> <tr> <td>Upah</td><td>4800</td><td></td></tr> <tr> <td>Faedah</td><td><u>500</u></td><td></td></tr> <tr> <td>Jumlah pendapatan individu</td><td></td><td>5300</td></tr> <tr> <td>Tolak:</td><td></td><td></td></tr> <tr> <td>Cukai pendapatan</td><td>200</td><td></td></tr> <tr> <td>Caruman KWSP</td><td>583</td><td></td></tr> <tr> <td>Bayaran zakat</td><td><u>50</u></td><td></td></tr> <tr> <td>Jumlah potongan wajib</td><td></td><td><u>(830)</u></td></tr> <tr> <td>Pendapatan boleh guna</td><td></td><td>4470</td></tr> <tr> <td>Perbelanjaan:</td><td></td><td></td></tr> <tr> <td>Makanan dan minuman</td><td>1000</td><td rowspan="5">1</td></tr> <tr> <td>Bil elektrik, air dan internet</td><td>400</td></tr> <tr> <td>Ansuran kereta</td><td>700</td></tr> <tr> <td>Ansuran rumah</td><td>1000</td></tr> <tr> <td>Premium insurans kesihatan</td><td>200</td></tr> <tr> <td>Belanja minyak dan tol</td><td><u>500</u></td><td>1</td></tr> <tr> <td>Jumlah perbelanjaan</td><td></td><td><u>(3800)</u></td></tr> <tr> <td>Tabungan</td><td></td><td>670</td></tr> </tbody> </table>	Butiran	RM	RM	Pendapatan			Upah	4800		Faedah	<u>500</u>		Jumlah pendapatan individu		5300	Tolak:			Cukai pendapatan	200		Caruman KWSP	583		Bayaran zakat	<u>50</u>		Jumlah potongan wajib		<u>(830)</u>	Pendapatan boleh guna		4470	Perbelanjaan:			Makanan dan minuman	1000	1	Bil elektrik, air dan internet	400	Ansuran kereta	700	Ansuran rumah	1000	Premium insurans kesihatan	200	Belanja minyak dan tol	<u>500</u>	1	Jumlah perbelanjaan		<u>(3800)</u>	Tabungan		670	1 1 1 1
Butiran	RM	RM																																																								
Pendapatan																																																										
Upah	4800																																																									
Faedah	<u>500</u>																																																									
Jumlah pendapatan individu		5300																																																								
Tolak:																																																										
Cukai pendapatan	200																																																									
Caruman KWSP	583																																																									
Bayaran zakat	<u>50</u>																																																									
Jumlah potongan wajib		<u>(830)</u>																																																								
Pendapatan boleh guna		4470																																																								
Perbelanjaan:																																																										
Makanan dan minuman	1000	1																																																								
Bil elektrik, air dan internet	400																																																									
Ansuran kereta	700																																																									
Ansuran rumah	1000																																																									
Premium insurans kesihatan	200																																																									
Belanja minyak dan tol	<u>500</u>	1																																																								
Jumlah perbelanjaan		<u>(3800)</u>																																																								
Tabungan		670																																																								

	Berdasarkan jadual di atas, jumlah pendapatan individu terdiri daripada upah dan faedah daripada akaun simpanan di bank perdagangan. Manakala potongan wajib terdiri daripada cukai pendapatan, caruman kepada KWSP dan bayaran zakat. Pendapatan boleh guna ialah perbezaan antara jumlah pendapatan individu dengan jumlah potongan wajib. Tabungan ialah baki pendapatan yang tidak dibelanjakan. Tabungan ialah perbezaan antara jumlah pendapatan boleh guna dengan jumlah perbelanjaan.	1 1
	Jumlah markah	7m
5 (c)	Pendapatan boleh guna ialah pendapatan sebenar yang oleh digunakan oleh individu selepas ditolak potongan wajib.	1
	Potongan wajib terdiri daripada caruman kepada KWSP, caruman kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO), cukai pendapatan perseorangan, dan bayaran zakat bagi umat Islam. Rumus pendapatan boleh guna ialah: Pendapatan boleh guna (Yd) = Pendapatan Individu – Potongan Wajib	1
	Caruman kepada KWSP adalah satu komponen dalam potongan wajib. Pekerja perlu mencarum 11% daripada gajinya. Contohnya, gaji Encik Hashim sebanyak RM4000 sebulan, maka kadar caruman KWSP adalah sebanyak RM440 sebulan.	1
	Pekerja swasta juga membuat caruman kepada PERKESO jika gaji permulaannya RM4000 dan ke bawah. Kadar caruman ialah 0.5% daripada gaji bulannya. Contohnya, gaji Encik Hashim sebanyak RM4000 sebulan wajib mencarum sebanyak RM20.00 setiap bulan.	1
	Individu seperti En. Hashim perlu membayar cukai pendapatan perseorangan apabila jumlah pendapatan tahunannya melebihi satu tahap tertentu yang ditetapkan oleh kerajaan. Andaikan cukai pendapatan Encik Hashim ialah RM120.00 sebulan.	1
	Umat Islam membayar zakat pendapatan sebanyak 2.5% daripada pendapatannya.	1

	Contohnya, Encik Hashim dengan pendapatan sebanyak RM4000, zakat yang dikenakan adalah sebanyak RM100 sebulan.	
	Kesimpulannya, dengan pendapatan sebanyak RM4000 sebulan, pendapatan boleh guna sebulan Encik Hashim adalah seperti berikut: Pendapatan boleh guna (Yd) = Pendapatan Individu – Potongan Wajib Yd = RM4000 – (RM440 + RM20 + RM120 + RM100) = <u>RM3320.00</u>	1
	Jumlah markah	Maks 6m

SKEMA JAWAPAN

Soalan 6

(a)	Jawapan	Markah
	sumber semulajadi yang ada di dalam negara berbeza dengan negara lain dari aspek iklim, tanah dan hasil galian	1 m
	Anugerah semulajadi ini boleh mengembangkan lagi ekonomi negara dengan lebih mudah	1 m
	jumlah penduduk dalam negara sering bertambah boleh meningkatkan jumlah tenaga buruh yang mampu menyumbang dalam aktiviti pengeluaran	1 m
	jumlah penduduk yang ramai juga dapat membantu meningkatkan permintaan terhadap barang dan perkhidmatan di pasaran	1 m
	keadaan tersebut mendorong pertambahan keluaran dalam negara seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi	1 m
	peningkatan dalam penggunaan teknologi juga membantu meningkatkan kecekapan pengeluaran barang dan perkhidmatan	1 m
	kualiti barang yang dihasilkan juga menjadi lebih baik	1 m
	peningkatan dalam pelaburan ekonomi membantu menambahkan pengeluaran dalam negara	1 m
	semakin besar pelaburan domestic mahupun antarabangsa akan meningkatkan lagi pengeluaran barang dan perkhidmatan	1 m
	sekali gus membuka banyak peluang pekerjaan dalam negara	1 m
	memudahkan lagi negara mencapai tahap guna tenaga penuh	1m
		[8x1=8 markah]
(b)	mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dalam negara	1m
	membantu mengurangkan kadar pengangguran dalam negara seterusnya mencapai tahap guna tenaga penuh	1m
	boleh meningkatkan pendapatan boleh guna seterusnya meningkatkan keluaran negara	1m
	taraf hidup dan imej masyarakat meningkat	1m
	mengurangkan kadar kemiskinan dalam negara	1m
	mengurangkan jurang pendapatan antara golongan berpendapatan tinggi dengan golongan berpendapatan rendah	1m
		[6x1m=6 markah]
(c)	kemasukan pelabur asing membuka lebih banyak peluang pekerjaan terutama dalam sektor perindustrian	1m
	seterusnya mengurangkan kadar pengangguran dalam negara	1m
	serta membantu negara mencapai tahap guna tenaga penuh	1m
	kemasukan mata wang asing dalam negara membantu meningkatkan nilai ringgit Malaysia	1m
	Keluaran dalam negara kasar (KDNC) meningkat membantu negara mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat	1m

	pemindahan teknologi dan perkongsian kepakaran asing	1m
	seterusnya membantu menghasilkan produk yang berkualiti	1m
	mampu bersaing di peringkat global	1m
	menjadikan sumber manusia dalam negara lebih berdaya saing	1m
	meningkatkan imej negara di peringkat global	1m

[6x1m=6 markah]

SKEMA JAWAPAN SOALAN 7

7 a)	Faktor penggalak globalisasi F1 Peranan kerajaan dalam melaksanakan globalisasi H1 Kerajaan mempunyai pengaruh terhadap pandangan masyarakat tempatan tentang proses globalisasi/ mengamalkan sikap terbuka terhadap kemasukan syarikat multinasional F2 Infrastruktur Teknologi Maklumat dan Komunikasi yang maju H1 Perkembangan ICT/ Internet membolehkan kawalan perniagaan menjadi mudah/pemindahan maklumat juga dapat dilakukan dengan lebih pantas. F3 Infrastruktur pengangkutan yang baik H3 Meliputi kemudahan pengangkutan darat, udara dan air/ aktiviti perniagaan dapat dijalankan dengan cepat dan mudah. F4 Berlakunya perkembangan dalam sektor pelancongan H4 Kerajaan memberikan intensif dan galakan untuk membangunkan sektor pelancongan/ contoh pembukaan lapangan terbang KKLIA2 memudahkan pergerakan manusia di antara negara.	1 1 1 1 1 1 1 Mak: 4 m
b)	F1 Pelaburan langsung asing bermaksud pelaburan yang dibuat oleh firma atau individu dari luar negara untuk memulakan operasi perniagaan atau membeli asset perniagaan di Malaysia. F2 Impak positif pelaburan langsung asing termasuklah berlakunya pertumbuhan ekonomi. F3 Berlakunya peningkatan produktiviti pekerja/ pengeluaran barangan F4 wujudnya pemindahan teknologi kemasukan teknologi/ modal/ kemahiran pekerja ke negara kita. F5 Pelaburan asing juga boleh meningkatkan kemahiran insan dengan menyediakan pelbagai program latihan bagi pekerja tempatan F6 meningkatkan keupayaan modal pelaburan dengan kemasukan modal asing	1 1 1 1 1 1

	atau ekuiti asing ke Malaysia.	
	F7 Impak negatif pelaburan langsung asing mewujudkan ketidakseimbangan pendapatan.	1
	F8 Wujudnya jurang perbezaan antara pekerja firma asing dan tempatan	1
	F9 Wujudnya kemusnahan alam sekitar/ eksploitasi sumber	1
	F10 Wujudnya aliran untung ke luar negara/ keuntungan/ dividen pelaburan asing yang berlebihan boleh memberikan kesan negatif kepada kadar pertukaran asing/ imbalan pembayaran.	1
	F11 Kesimpulannya impak positif dan negatif dari pelaburan asing langsung akan membawa kesan ke atas pendapatan dan guna tenaga negara kita.	1
		Mak : 7 m
c)	F1 Akaun semasa merekodkan semua penerimaan dan pembayaran negara dalam akaun barangan, perkhidmatan dan pendapatan	1
	F2 Keadaan deficit atau lebih akaun semasa akan membawa impak kepada ekonomi negara kita.	1
	F3 Antara penyebab berlakunya akaun semasa yang lebih baik atau akaun semasa lebih adalah disebabkan wujudnya permintaan yang tinggi untuk barang eksport Malaysia	1
	F4 Wujudnya permintaan yang rendah untuk import, peningkatan Produktiviti dan peningkatan permintaan pendapatan primer dan sekunder.	1
	F5 Keadaan lebih dalam akaun semasa memberi pelbagai implikasi. Antaranya, wujud peningkatan dalam pendapatan negara	1

F6 Permintaan terhadap barang tempatan / barang eksport akan Meningkat	1
F7 Aktiviti eksport akan meningkatkan penggunaan guna tenaga.	1
F8 Peluang pekerjaan meningkat dan menyebabkan kadar pengangguran berkurang.	1
F9 Taraf hidup masyarakat meningkat.	1
F10 Berlaku peningkatan kadar pertukaran asing, bermaksud berlakunya peningkatan dalam nilai mata wang tempatan berbanding mata wang asing.	1
F11 Peningkatan pendapatan pengguna dan masyarakat akan meningkatkan kuasa beli .	1
F11 Kesannya, wujud impak negative lebihan akaun semasa iaitu kemungkinan wujudnya inflasi apabila tingkat harga umum barang akan naik secara mendadak dan berterusan.	1
Kesimpulannya, lebihan akaun semasa membawa banyak impak positif kepada ekonomi Malaysia berbanding impak negatifnya.	1
	MAK 9